
Title	Alu-aluan seminar dan peraduan menyanyikan lagu-lagu Melayu asli
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 2003 Muhammad Ariff bin Ahmad

Alu-aluan Seminar dan Peraduan
Menyanyikan lagu-lagu Melayu Asli
Oleh PERKAMUS.

Sebenarnya: lagu-lagu Melayu asli itu merupakan warisan biduan leluhur yang terwaris kepada waris-warisnya, seniman penyanyi zaman kini. Namun, justeru kerana kehidupan budaya itu bergantung kepada situasi tiga faktor (manusia, zaman dan lokasi) maka penurunan warisan kepada para warisnya, yang hidup di zaman yang berbeda ini, boleh menjadi genjot.

Maka **peraduan menyanyikan lagu-lagu Melayu asli** yang dianjurkan PERKAMUS dengan tajaan COMPASS dan NAC ini, saya jangka bukanlah semata-mata untuk menyanjung juara seni dalam menyanyikan lagu-lagu Melayu asli itu sahaja; bahkan ia dapat membuka mata minda (mengetahui dan menilai) serta membuka pintu hati para waris itu untuk mencintai lalu segera mengambil peduli akan kewujudan dan perkembangan lagu-lagu Melayu asli tersebut.

Melalui irama dan wacana lagu-lagu Melayu asli itu masyarakat dapat menilai betapa budi bahasa dan budi pekerti serta dapat mempelajari sejarah dan kegemilangan hidup Melayu di zaman bahri. Almarhum Presiden Soekarno bagi Indonesia pernah menukil perkataan John Seely yang berkata (maksudnya): ***kita mempelajari sejarah untuk menjadikan diri kita bijaksana.***

Maka untuk memelihara **harmoni** dalam kehidupan masyarakat majmuk seperti di tanahair kita ini, kita haruslah bijaksana. Adapun asas **harmoni** ialah ***akur dalam perkara-perkara yang sama dan toleran pada perkara-perkara yang berbeda.***

Akan seminar yang diadakan mengikut peraduan itu pula, pada hemat saya, adalah merupakan sukat ukur bagi menilai lagu-lagu Melayu asli yang sedang menghadapi cabaran faktor-faktor manusia, zaman dan lokasi yang saya sebutkan tadi.

Akhimya, saya doakan semoga kededua **peraduan menyanyikan** serta **seminar** yang akan membincang dan menilai lagu-lagu Melayu itu supaya ***selamat sempurna*** sehingga dapat meraih hasil yang berbaloi.

Muhammad Ariff Ahmad
Pengerusi Jk Pengembagan Musik Melayu NAC;
Ketua Lembaga Adat dan Budaya MAJLIS PUSAT.

28 Jamadilawal 1424
28 Ogos 2003